

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI KHALID BIN  
IBRAHIM  
[ BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH JAWAPAN : 10 NOVEMBER 2016**

**SOALAN**

**Tan Sri Dato' Seri Khalid bin Ibrahim minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan semua terma dan syarat bagi perjanjian antara Kerajaan Negeri Selangor dan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) dalam penstrukturan semula industri air negeri dan impak terhadap perjanjian tersebut sekiranya jumlah pengambilalihan keseluruhan melebihi RM9.65 bilion.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian-Perjanjian berkaitan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah ditandatangani seperti berikut:
  - (i) Perjanjian Utama pada 12 September 2014 dan Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Utama pada 10 Julai 2015 antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor); dan
  - (ii) Perjanjian Kemudahan, Perjanjian Pajakan, Perjanjian Hak Guna dan Perjanjian Penyelesaian pada 8 September 2015 antara PAAB dan Air Selangor.
  
2. Terma dan syarat utama di dalam Perjanjian-Perjanjian di atas adalah seperti berikut:

- (i) PAAB akan membantu Air Selangor mengambil alih semua ekuiti dan mengambil alih liabiliti keempat-empat syarikat konsesi termasuk liabiliti berkaitan Kerajaan Negeri Selangor;
  - (ii) sebagai balasan, aset-aset syarikat konsesi dan aset air negeri pada nilai yang sama akan dipindahkan kepada PAAB secara pindah milik atau melalui surat pemindahan;
  - (iii) PAAB kemudiannya akan memajak kembali atau memberikan hak guna kepada Air Selangor akan aset-aset tersebut; dan
  - (iv) Air Selangor akan membayar sewa pajakan kepada PAAB sebagai bayaran balik bagi pembiayaan pengambilalihan yang dibuat oleh PAAB.
3. Jumlah kos keseluruhan bagi penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk pembiayaan pengambilalihan keseluruhan ekuiti dan liabiliti keempat-empat syarikat konsesi di Selangor serta hutang Kerajaan Persekutuan di bawah Kerajaan Negeri Selangor akan mempengaruhi pelarasan

kadar tarif air, kadar sewa pajakan Air Selangor kepada PAAB dan aset-aset air yang akan dicagarkan kepada PAAB.

4. Semakin tinggi jumlah pengambilalihan, maka semakin tinggilah impak kepada kenaikan kadar tarif air dan sewa pajakan kepada PAAB. Adalah dijangkakan jumlah keseluruhan pengambilalihan akan melebihi RM9.65 billion. Ini adalah memandangkan terdapat sebahagian liabiliti syarikat konsesi yang tidak disenaraikan sebelum ini, serta penambahan kepada nilai pengambilalihan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) oleh Air Selangor yang masih belum dimuktamadkan secara keseluruhan.

\*\*\*\*\*